

Edisi

إديسي

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil: 4/2020 • NASKHAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 - 635X



COVID-19

MAIS Cakna Kebajikan
Ummah Di Negeri Selangor

MS 4

Sinar 2021 Pasca COVID-19



Kata-Kata Hikmah

Sentiasa bertenang dan bersabar
dengan setiap ujian, pasti akan
ada hikmah yang amat hebat
disebaliknya.

Dr. Che Mad

PERANAN REMAJA
MEMBANTU KELUARGA
PASCA COVID-19

MS 5

COVID 19: NORMA
BAHARU DALAM IBADAH

MS 8

IBNU KATHIR

MS 18



Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucapan Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-75

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Pada 11 Disember 2020 Bersamaan 25 Rabi'ul Akhir 1442H

Sembah Takzim Daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR SERTA WARGA KERJA
JABATAN HAL EHWAL ISLAM SELANGOR, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**



**Sidang Editorial
EDISI**

KETUA PENGARANG

Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

PENOLONG PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

JURUFOTO

Shahrul Effendy bin Md Saat

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid

Halim bin Mokhtar

Siti Zurinah binti Zainal Abidin

Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad

Hasal bin Senin

5 TIPS BANGKIT DARI COVID-19

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Pantang menyerah. Umat Islam adalah manusia pejuang. Jika dahulu para sahabat nabi berjuang di medan perang melawan musuh-musuh yang berbaju besi; kini kita berada di medan juang yang lebih rumit. Antara melawan pandemik COVID-19, melawan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan melawan perasaan sendiri yang tidak keruan.

Perkara paling penting yang wajib disemat dalam minda, COVID-19 ini adalah makhluk Allah SWT. Sebaik-baik makhluk pula ialah manusia (at-Tin: 4), bukan jin atau malaikat apa lagi Corona. Maka, kita mesti menjadi lebih pintar daripada COVID-19. Jika kita tahu COVID-19 bisa menular dengan sentuhan dan udara, maka kita ciptakan jarak dan pakailah pelitup muka. Inilah normal baharu kita.

Selain itu, wajib kita merencanakan masa hadapan dan menjadi satu kesalahan jika bertekur diri tanpa usaha. Apalagi jika kita termasuk golongan yang terjejas dengan COVID-19. Tanya diri kita, apakah perancangan untuk aku bangkit? Nah, beberapa saranan di dalam artikel ini mungkin boleh membantu.

BANGKIT
1

Bangkitkan satu kuasa dari dalam diri, itulah hati yang dekat dengan Allah SWT. Hati atau 'minda separa sadar' mampu menguasai manusia. Apabila hati sudah diikat dengan ketakwaan, maka pada tahap pertama ini kita sudah pun menang. Dalam erti kata lain, kita menjadi tenang, reda, sabar dan dapat mengawal emosi, tidak mengeluh dan tidak menyalahkan takdir semata-mata (ar-Ra'du: 28).

BERSIAP SEDIA
2

Di sebalik reda dan sabar menjalani takdir, kita juga dituntut oleh Allah SWT untuk menyiapkan diri mendepani masa hadapan (ar-Ra'du: 11). Ibarat calon SPM yang akan menduduki peperiksaan, persiapkan diri dengan segala keperluan. Contohnya anak-anak yang akan tamat universiti, wajar menyiapkan diri untuk bekerja sendiri sejak belum graduasi dengan disiplin diri yang ketat, sanggup mencuba apa sahaja pekerjaan biar pun dengan gaji rendah dan tidak mengikut kelulusan. Apa yang utama adalah pengalaman.

MENGANALISA
3


Cubalah menganalisis tentang keperluan kita mendepani masa hadapan dalam senario harus hidup bersama COVID-19 (Yusuf: 47). Nantinya kita akan menjadi lebih bersedia. Misalnya, analisis tentang apakah perniagaan yang akan tetap mendapat sambutan? Jangan lupa, analisis juga tentang hutang dan segala beban kewangan kita dan sesuaikan dengan pendapatan semasa.

MELAKSANA
4

Melaksanakan perancangan dengan hati-hati (Yusuf: 67). Misalnya kita ditamatkan perkhidmatan dan mendapat pampasan RM10,000.00, maka apakah yang perlu kita lakukan? Perkara yang mula-mula muncul di minda mungkin modal perniagaan. Maka, laksanakan dengan penuh kehatian-hatian beralaskan kajian awal dan analisis yang telah kita lakukan di atas.

MENILAI
5

Evaluasi dan tambah baik. Maksudnya, jika sudah melaksanakan perancangan maka pada masa yang sama buatlah penilaian adakah kita sudah berada di landasan yang betul atau salah (al-Hasyr: 18). Buat tambah baik jika perlu, misalnya menjalinkan kolaborasi dengan pihak kedua atau ketiga, menukar corak perniagaan atau memulakan sesuatu yang lebih berdaya saing.



Mari kita sematkan impian kejayaan biar diuji kegawatan, kerana impian itulah energi yang terus meniup bara api semangat di hati. Ingatlah bahawa orang yang berjaya itu sentiasa mencari peluang, sedang orang gagal seribu beralasan. Orang yang berkehendak akan terus mencari jalan.

Wallahua'lam. **Edisi**

COVID-19

MAIS Cakna Kebajikan Ummah Di Negeri Selangor

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

MAIS teruji? Realitinya, COVID-19 ini adalah ujian global yang merentasi apa sahaja – ras, ideologi, geografi, agama, politik dan ekonomi. MAIS sebagai organisasi induk umat Islam terus berusaha agar kesejahteraan umat tetap utuh. Dalam ruangan ini, mari kita telusuri bagaimana MAIS mendepani senario genting ini bersama lebih RM200 juta yang telah disalurkan setakat ini.

Pertamanya, MAIS bertindak proaktif. Sejak awal pandemik, MAIS menubuhkan Tabung COVID-19 MAIS. Inisiatif ini bagi menangani keperluan umat yang terjejas. Alhamdulillah, hasilnya sebanyak RM123,725.67 terkumpul dari pelbagai sumber, termasuklah Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebanyak RM40,000.00 dan juga sumbangan warga MAIS sendiri sebanyak RM62,621.33.

Dana ini tidak disimpan malah segera diagihkan. Penerimaannya adalah individu dan keluarga terjejas khususnya warga miskin (RM137,000.00), NGO yang menyantuni massa (RM49,500.00), pegawai barisan hadapan (RM34,242.00), madrasah tahfiz (RM21,350.00), egeksi kerajaan berkaitan (RM17,620.00) dan juga pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (RM2,500.00).

Kedua, egeksi di bawah MAIS turut sama bergerak aktif. Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan institusi paling banyak menyalurkan bantuan. Sejak Mac, RM232.2 juta telah disalurkan, khususnya untuk individu, keluarga, mahasiswa, petugas barisan hadapan, hospital dan sebagainya. Hingga saat ini, 57 ribu buah keluarga miskin dan 7,000 asnaf muallaf terus disantuni LZS secara konsisten.

Selain LZS, egeksi lain ialah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) turut memainkan peranan, khususnya melindungi keperluan para siswa-siswinya. Sejumlah RM135,590.00 telah berjaya dikumpul dan diagihkan kepada mereka yang berhak, khususnya dari Tabung Zakat KUIS. Bantuan adalah berbentuk kewangan dan makanan harian, khususnya kepada mereka yang terjejas dan terkandas di kampus.

MAIS juga sangat prihatin dengan para petugas kesihatan di negeri ini, maka bersama-sama Baitulmal MAIS, LZS, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), telah bersinergi turun ke lapangan membantu. Sinergi pintar bersama NGO turut digerakkan. Antaranya bersama Adab Youth Garage (AYG), Muslim Care Global (MCG) dan banyak lagi untuk sama-sama memberi santunan.

Kesimpulannya, MAIS bersama agensi dan anak syarikat sangat prihatin dan cakna terhadap kebajikan ummah di negeri Selangor. Setiap ruang dan peluang cuba digalas agar masalah ummah ini dapat dibantu bersama agar ringan sedikit bebanan mereka dalam menempuhi pandemik COVID-19.

Namun, masyarakat juga turut boleh berperanan dalam usaha membantu mereka yang terjejas ini. Teruskan menunaikan zakat di LZS (MAIS) atau hulurkan sedekah terus ke akaun MAIS (Bank Islam Malaysia Berhad: 12038010000908) atau melalui on-line di <http://fpx.mais.gov.my/epay/sedekah.php>. **Edisi**

SUMBANGAN DANA DARI MAIS DAN SUBSIDIARI SEJAK MAC 2020

 TABUNG COVID-19 MAIS RM123,725.67	 BAITULMAL MAIS RM35,865.00	 WARGA MAIS RM62,621.33
 PWS RM40,000.00	 LZS RM232.2 JUTA	 KUIS RM135,590.00
JUMLAH 232,597,802.00		

Nota: Semua sumbangan berhak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 no. rujukan LHDN 01/35/42/51/179-6 5621 dan no. Warta Kerajaan 14369 bertarikh 27.07.2004.

PERANAN REMAJA MEMBANTU KELUARGA PASCA COVID-19

Oleh: **Ahmad Firdaus bin Muhammad** (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Ujian demi ujian yang Allah SWT berikan pasca pandemik COVID-19, ada disebaliknya hikmah yang besar buat mereka yang beriman. Perkara penting dalam situasi ini adalah untuk memastikan kelangsungan hidup sebuah keluarga. Setiap ahli keluarga memainkan peranan masing-masing sesuai dengan kemampuan bagi menghadapi saat-saat yang sukar ini. Selain ibubapa, setiap anak-anak perlu memikul tanggungjawab dalam membahagiakan keluarga, lebih-lebih lagi anak yang berada pada seusia remaja dalam lingkungan 15 hingga 30 tahun.

Apa yang boleh diharapkan kepada golongan remaja ini untuk membantu keluarga? Ya inilah persoalan yang akan dirungkai dalam penulisan ini. Dalam sejarah awal perkembangan Islam, remaja adalah yang banyak bergabung bersama Nabi Muhammad SAW dengan membawa panji-panji Islam. Nama-nama seperti Abdullah Bin Mas'ud, Zaid Bin Thabit, Abdul Rahman Bin A'uf, Ali Bin Abi Thalib, Usamah Bin Zaid dan banyak lagi. Golongan remaja ini perlu diberikan tanggungjawab yang sewajarnya pada masa kini seperti sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi [2416] "Daripada Abdullah Bin Mas'ud, berkata Rasulullah SAW : *"Tidak akan berganjak kaki anak Adam pada hari kiamat daripada Rabbnya sampai dia ditanya tentang 5 perkara iaitu ; Tentang umurnya dimana dia habiskan, tentang masa mudanya dimana dia gunakan, tentang hartanya dimana ia perolehi dan kemana ia dibelanjakan, dan tentang apa yang ia amalkan dari apa yang ia ketahui (ilmu)"*.

Waktu muda adalah waktu dimana kudrat dan tenaga seseorang remaja itu berada pada tahap optimum. Mereka mampu melakukan banyak perkara jika diberikan peranan dan tanggungjawab. Oleh demikian, **dalam situasi ini, para remaja hendaklah mengambil peranan dan bertindak dengan proaktif tanpa perlu lihat dan menunggu** ibubapa memberikan arahan atau tanggungjawab. Berikut adalah saranan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh remaja kini dalam membantu keluarga mendepani pandemik pasca COVID-19, iaitu;

1 Berakhlak mulia dan berbudi pekerti

Anak-anak yang bersahsiah mulia dapat membahagiakan ibubapa, lebih-lebih lagi dalam situasi tekanan emosi dan mental yang tidak menentu. Adapun akhlak terpuji itu seperti amanah, jujur, bertanggungjawab, berbuat baik kepada kedua ibubapa dan menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Hadis Riwayat Tirmidzi [1941]: Bersabda Rasulullah SAW; *"Sesungguhnya di antara orang-orang yang paling aku cintai dan paling dekat tempat duduknya pada hari kiamat denganku iaitu orang-orang yang paling baik akhlaknya."*

2 Melakukan kerja rumah tangga

Sebagai anak yang telah meningkat remaja baik lelaki ataupun perempuan, kita hendaklah memainkan peranan dalam meringankan beban terutama ibu yang disayangi. Sebagai contoh pekerjaan rumah tangga adalah membasuh, menjemur dan melipat baju, membuang sampah, menyapu rumah, mengemas tempat tidur, membasuh pinggan mangkuk malah memasak juga.

3 Kewajipan untuk belajar/menuntut ilmu

Pandemik COVID-19 telah membuka dunia penggunaan digital dengan lebih luas. Ia mengambil alih banyak aspek kehidupan termasuk kaedah pembelajaran secara maya (online). Anak-anak hendaklah gigih meneruskan pengajian di rumah melalui medium ini dengan meneroka ilmu-ilmu baharu yang dapat dijadikan sebagai nilai tambah dalam menjalani kehidupan seharian.

4 Meringankan beban kewangan keluarga

Budaya berjimat cermat ialah senjata yang paling ampuh digunakan apabila berada dalam situasi ekonomi kini. Langkah tersebut perlu diterapkan supaya dapat meringankan beban ekonomi keluarga. Marilah kita menghayati pantun ini ; *"Pergi ke belukar memasang pukut, Pulangnya lewat dihujung petang, Jikalau sentiasa berjimat cermat, Rezeki secupak terasa segantang"*.

5 Mencari pendapatan tambahan

Gesaan ini dikhususkan kepada remaja yang telah mampu bekerja atau mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian. Sikap tidak memilih pekerjaan dan berusaha keras untuk membantu keluarga amat dituntut. Seperti yang dilaporkan oleh Berita Harian online 6 Jun 2020 bertajuk 'Mencipta Peluang Kerja Graduan Pasca COVID-19', mendapati bahawa mengikut sumber daripada Jabatan Perangkaan Negara, pada 2018, bilangan siswazah di Malaysia seramai 4.96 juta orang, meningkat 7.6 peratus daripada 4.61 juta orang pada 2017. Data juga memaparkan pada 2018, bilangan siswazah bekerja seramai 3.99 juta orang, meningkat 8.2 peratus daripada 3.69 juta orang pada 2017. Angka dan peratusan boleh dibanggakan. Namun, ketika pandemik COVID-19 melanda, ramai penganalisis menjangkakan penurunan mendadak peluang pekerjaan kepada graduan. Situasi ini amat membimbangkan. Pekerjaan yang ditawarkan ketika pandemik COVID-19, tiada banyak pilihan. Remaja harus lebih kreatif dalam mencari sumber pendapatan baru buat keluarga contohnya, pada ketika ini ramai yang menjadikan hobi atau minat sebagai sumber pendapatan. Antaranya berniaga, menjadi penghantar makanan serta menjual hasil kreatif seperti gubahan hadiah dan bunga. Justeru seruan supaya tidak memilih kerjaya adalah amat mustahak untuk diambil kira pada masa kini. **Edisi**

"SEJARAH WABAK DALAM ISLAM: IKTIBAR UMAR AL-KHATTAB RA"

Oleh: *Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)*
Pembantu Eksekutif Pembangunan Kompetensi, MAIS

Mutakhir ini, kita dapat melihat bukti kekuasaan Allah SWT dengan tersebarnya korona virus yang berpunca daripada kejahatan tangan-tangan manusia yang membuat kerosakan di atas muka bumi. Sebenarnya, wabak seperti ini adalah persis seperti penularan wabak taun pada zaman Umar R.A. Selama 10 tahun dunia Islam dipimpin oleh Umar bin Khattab menyaksikan berlaku suatu tragedi hitam dalam lipatan sejarah Islam. Wabak Taun yang berasal daripada suatu perkampungan bernama Amwas di Palestin telah menyebabkan ramai terkorban. Penularan dan penyebaran adalah sangat aktif dan drastik sehingga menjangkiti masyarakat di kawasan dan wilayah sekitarnya. Keadaan di zaman tersebut sangat membimbangkan Khalifah Umar ketika tersebar di negeri Syam. Apabila penyakit Taun menjangkiti seorang sahabat baginda SAW iaitu Abu Ubaidah al-Jarrah maka Khalifah Umar berhasrat untuk melawat beliau. Namun demikian, lawatan yang dirancang dibatalkan. Ini berlaku sebaik sahaja Umar bin Khattab mendengar Abdul Rahman bin Auf membaca sebuah hadis yang bermaksud:

"Jika kamu mendengar Taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Wabak yang tersebar melalui bekalan air ini berpunca daripada mayat-mayat tentera Rom yang tidak terurus. Ditambah pula dengan jumlah kematian tentera mereka yang sangat besar menjadi titik permulaan kepada tersebarnya Taun di Amwas. Sebenarnya tatkala di peringkat awal penyebaran taun di Syam lagi, Umar telah menulis surat bagi memanggil Abu Ubaidah untuk pulang ke Madinah. Ini kerana Khalifah Umar bercita-cita untuk mencalonkan Abu Ubaidah sebagai salah seorang calon Khalifah. Namun demikian, Abu Ubaidah dengan tegas menolak dengan menyatakan bahawa beliau merupakan

pemimpin di sini. Maka tidak selayaknya bagi dirinya untuk meninggalkan mereka. Taun turut mengorbankan beberapa sahabat lain termasuklah Muaz bin Jabal dan Syurhabil bin Hasanah. Wabak yang pertama menguji umat Islam tanpa penawar di zaman tersebut.

Larangan tersebut yang membatalkan hasrat Umar adalah satu proses kuarantin yang diajarkan secara tidak langsung oleh Baginda. Proses kuarantin adalah suatu yang sangat penting agar wabak dan penyakit tidak tersebar sehingga boleh membawa mudharat yang lebih besar. Sekiranya proses kuarantin telah dijana namun manusia tetap dijangkiti wabak tersebut. Maka seharusnya dia mencari penawar untuk menyembuhkan penyakitnya. Ini kerana Islam menyeru umatnya untuk mencari penawar bagi setiap penyakit. Sabda baginda yang bermaksud:

"Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah." (Riwayat Muslim)

Tindakan Umar yang membatalkan kunjungan adalah suatu pelajaran sejarah dalam menghadapi situasi ini kerana mendedahkan diri kepada wabak penyakit adalah suatu perkara yang boleh membawa kepada kemudharatan dan kebinasaan. Manakala tindakan Abu Ubaidah yang tetap tinggal di tempat tersebarnya wabak juga wajar dijadikan iktibar. Hal ini kerana apabila tersebarnya wabak seperti ini, kita tidak seharusnya mengambil inisiatif untuk bergerak meninggalkan kawasan tersebut untuk tujuan tertentu sama ada melancong atau berpindah kerana ketakutan. Ini kerana kita bukan sahaja berkemungkinan membawa virus yang membahayakan diri. Malahan turut memungkinkan penyebaran virus ke wilayah yang baru. Akhirnya, langkah-langkah pencegahan patut diambil perhatian besar oleh masyarakat Malaysia kini kerana penularan wabak ini sudah mencatat peningkatan di tanah air. **Edisi**

BERBISNES ERA BAHARU

Oleh: **Mohd Hafiz Bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Pandemik COVID-19 bukan sahaja menyebabkan kesukaran kepada sektor kesihatan awam negara, malah kepada sektor ekonomi dan sosial secara keseluruhannya. Perkembangan semasa COVID-19 ini telah menambah beban dan cabaran kepada golongan pekerja, majikan dan pihak kerajaan. Tambahan pula dengan arahan penjarakan fizikal (physical distancing) iaitu salah satu syarat di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac yang lalu, majoriti pekerjaan terutamanya yang bergantung kepada interaksi kepada pelanggan secara fizikal turut terkesan. Tempias COVID-19 ini turut dirasakan oleh semua sektor terutamanya sektor berkaitan perkhidmatan seperti industri makanan, jagaan kanak-kanak, pengangkutan udara, pelancongan, hiburan, pengurusan acara, peruncitan, sukan, perhotelan dan sebagainya.

Laporan Tinjauan Kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan individu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia*) yang melibatkan seramai 168,182 responden yang berumur 15 tahun ke atas daripada pelbagai sektor telah menunjukkan 46.6% responden bekerja sendiri telah kehilangan pekerjaan. Berdasarkan dapatan tinjauan ini juga, jumlah kehilangan pekerjaan disebabkan krisis COVID-19 ini dijangka boleh mencecah sehingga 2.1 juta orang.

Justeru, artikel pada kali ini akan membincangkan keperluan bagi pelbagai sektor dalam melakukan transformasi perniagaan. Anjakan dalam aspek perniagaan, pemasaran dan gaya hidup pengguna sudah tentu menuntut usahawan untuk lebih proaktif dalam merangka strategi perniagaan mereka. Cabaran hidup rakyat Malaysia kini, dimana mereka dituntut untuk melazimkan kehidupan dengan norma baharu selepas memasuki Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Disember 2020. Justeru, sudah tentulah landskap perniagaan dan pemasaran sebelum, semasa dan selepas PKP juga akan mengalami perubahan yang besar dalam memenuhi permintaan pengguna selaras dengan tuntutan semasa. Suka atau tidak, kita mesti mengikuti trend terkini dengan mengubah strategi serta landskap perniagaan terkini bagi memastikan *survival* dalam perniagaan.

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan bantuan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menggalakkan peralihan oleh Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada perniagaan secara konvensional kepada platform e-dagang bagi memperluaskan akses pasaran. Cabaran tersebut menuntut usahawan dan PKS menukar landskap pemasaran kepada digital secara dalam talian untuk

memastikan kelangsungan perniagaan. Perubahan gaya hidup oleh rakyat disebabkan PKP memerlukan usahawan untuk melakukan anjakan dan strategi pemasaran melalui platform e-dagang.

Selain itu, satu kaji selidik yang telah dijalankan mendapati kebanyakan pembelian melalui platform e-dagang atau media sosial adalah 70 peratus dipengaruhi oleh video. Statistik ini cukup untuk menuntut usahawan di era PKPP ini untuk menumpukan kepada pemasaran video seiring dengan perubahan dalam kehidupan pengguna disebabkan pandemik COVID-19. Diantara langkah baru untuk meningkatkan jumlah jualan adalah dengan membuat video secara langsung dan berinteraksi dengan pelanggan mengenai produk yang dijual sama ada di Facebook, Instagram, Shopee Live dan sebagainya. Ini menunjukkan kita ada alternatif tambahan dalam meluaskan usaha mencari prospek.

Antara langkah yang boleh dipertimbangkan untuk usahawan terus kekal berdaya saing dalam dunia perniagaan adalah seperti berikut:-

1. Menguasai ilmu pemasaran secara atas talian sebagai persediaan bagi pertumbuhan pantas ekonomi berasaskan kaedah ini;
2. Menguasai kaedah pembayaran secara atas talian;
3. Mengkaji jenis produk atau perkhidmatan yang mendapat permintaan tinggi;
4. Menguasai teknologi IoT (Internet of Things) dan segala aplikasi yang berkaitan; dan
5. Mampu menganalisis, menilai dan membuat keputusan dengan pantas.

Sebagai kesimpulannya, krisis yang berlaku ini bukan sahaja membuatkan kita berasaskan tindakan segera perlu diambil, malah turut memberi peluang menguatkan Malaysia dalam menghadapi segala kejutan luar yang tidak menentu. Oleh itu, setiap usahawan perlu cepat bertindak dan berubah kerana trend perubahan dalam gaya hidup pengguna juga turut berubah dengan begitu pantas sekali. Pilihan di tangan anda, mahu berubah mengikut trend atau sekadar menjadi penonton dalam era norma baharu. Bertindaklah sebelum terlambat, inilah norma baharu kita.

Walluhua'lam. **Edisi**

COVID 19: NORMA BAHARU DALAM IBADAH

Oleh: **Halim Bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)**
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

Tahun 2020 telah membawa satu ujian yang besar buat umat manusia seantero dunia. Pandemik COVID-19 yang melanda Negara telah menyebabkan kehidupan seharian berubah dan membentuk norma baharu.

Pandemik COVID-19 telah membataskan pergerakan, tidak sebebas dahulu, memakai pelitup muka, membasuh tangan dan penjarakkan fizikal. Begitu juga dalam ibadah seperti solat berjemaah, solat Jumaat, kuliah pengajian, sambutan Bulan Ramadhan, sambutan Hari Raya dan ibadah korban telah membentuk satu norma baharu dengan S.O.P yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri untuk dipatuhi.

Sebagai contoh norma baharu ialah ibadah solat jemaah di masjid atau surau iaitu berwuduk dari rumah, membawa sejadah, memakai pelitup muka, penjarakan fizikal 1 meter di luar dan di dalam saf masjid/surau, *check in* di kaunter pendaftaran, pemeriksaan suhu badan, sihat dan bebas daripada sebarang gejala, mencuci tangan dengan menggunakan hand sanitizer yang disediakan, terus pulang selepas selesai solat dan tiada amalan bersalaman dan bersentuhan sepanjang berada di masjid/surau.

Pembudayaan norma baharu dalam ibadah telah diterima secara positif meskipun ada sedikit cabaran di dalam perlaksanaannya.

Semua tatacara ini telah disediakan oleh pihak pemerintah bukanlah bertujuan untuk sengaja meniadakan keselesaan beribadah di masjid atau surau, tetapi atas kemaslahatan umum serta tuntutan maqasid syariah untuk menjaga nyawa seterusnya memenuhi prinsip-prinsip syarak bagi mengekang rantaian penularan wabak COVID-19.

Sesungguhnya agama Islam merupakan agama yang amat memahami realiti keberadaan manusia dalam semua situasi dan masa. Ambillah pengajaran dan hikmah daripada musibah COVID-19 ini, setiap yang berlaku dalam kehidupan sarat dengan hikmah untuk muhasabah diri dan meningkatkan kesabaran disaat sedang diuji. Amat merugikan jika seorang Muslim hanya beranggapan bahawa virus COVID-19 ini adalah jangkitan penyakit semata-mata.

Diharapkan pembudayaan norma baharu yang dilalui hari ini hanyalah bersifat sementara dan dapat dinoktahkan untuk kembali kepada norma yang hakiki. Mohonlah keampunan dan perlindungan Allah daripada pandemik COVID-19. Semoga kehidupan pada masa akan datang akan kembali seperti yang diharapkan.

Allahuma Ameen. #kitajagakita **Edisi**

SOP NORMA BAHARU
Negeri Selangor

- 1 SOLAT BERJEMAAH**
Bilangan Jemaah Terhad Mengikut Zon Hijau, Kuning & Merah
- 2 PENJARAKAN FIZIKAL JEMAAH**
Jarak Antara Jemaah Adalah 1.5 Meter
- 3 PEMERIKSAAN SUHU**
Suhu > 37.5°C Adalah Dilarang Masuk
- 4 PENSANITASI TANGAN**
Kerap Gunakan Pensanitasi Tangan
- 5 PENJARAKAN FIZIKAL**
Amalkan Penjarakan Fizikal (Tidak Bersesak)
- 6 PEMBESAR SUARA**
Khusus Untuk Azan Sahaja
- 7 SOLAT**
Solat Dikediamkan Masing-Masing
- 8 MESYUARAT/ PERHIMPUNAN**
Ditangguhkan & Digalakkan Secara Dalam Talian
- 9 PENGURUSAN JENAZAH**
Dibenarkan Secara Terhad dan Ikut SOP
- 10 MAJLIS AKAD NIKAH**
Lima (5) Pasang Pengantin di PAID Sahaja

www.jais.gov.my | JabatanAgamaIslamSelangor | jabatan.agama.islam.selangor | #islamicsaviourobedience

Komen kes KZAG lwn MAKAK

Permohonan Pembatalan Perintah Perakuan Faraid

Oleh: **Siti Zurinah Binti Zainal Abidin** (zurinah@mais.gov.my)
Pengurus Kesetiausahaan, MAIS

Faraid ialah satu ilmu berkaitan sistem pembahagian harta pusaka bagi orang Islam. Ia mengandungi hukum pewarisan, formula pembahagian dan kaedah pengiraan yang akan menentukan siapakah dalam kalangan keluarga yang ditinggalkan oleh si mati yang berhak mewarisi harta pusaka dan menentukan kadar bahagian yang akan diwarisi oleh setiap orang waris.

Pembahagian faraid kepada yang berhak hukumnya wajib untuk ditunaikan dan fardhu kifayah kepada umat Islam khususnya waris-warisan untuk menyelesaikannya.

Jika umat Islam tidak melaksanakan sistem faraid dikhuatiri perkara-perkara ini akan berlaku:

- 1) Memakan harta anak yatim
- 2) Memakan harta saudara mara
- 3) Memakan harta Baitulmal

Tidak semua waris layak menerima harta pusaka yang ditinggalkan. Anak angkat tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka ibu atau bapa angkat mereka disebabkan tiada pertalian darah yang membolehkan berlakunya perwarisan pusaka. Oleh yang demikian, antara langkah awal atau inisiatif lain yang boleh diambil oleh ibu atau bapa angkat sekiranya ingin memberikan sebahagian harta mereka kepada anak angkat mereka adalah melalui proses hibah dan juga wasiat.

Mungkin sebahagian daripada pembaca yang budiman tertanya-tanya apa sebenarnya yang dikatakan sebagai Sijil Perakuan Faraid atau Sijil Faraid. Sijil Faraid sebenarnya ialah dokumen perakuan ahli waris yang beragama Islam bagi menyatakan kesahihan ahli-ahli waris yang berhak dan kadar bahagian yang diperolehi mereka. Sekiranya terdapat pihak yang ingin menguruskan harta pusaka si mati dengan segera, maka sebaik-baiknya perlu mendapatkan Sijil Faraid di Mahkamah Syariah. Sijil ini mengandungi nilai harta pusaka si mati, nama waris-warisan yang berhak dan bahagian setiap waris yang berhak atas harta pusaka tersebut.

Sekiranya wujud dakwaan daripada ahli-ahli waris pemohon yang mengatakan seseorang ahli waris yang tertera di dalam Sijil Faraid adalah bukan waris atau ada ahli waris yang tertinggal, maka pemohon hendaklah membuat permohonan membatalkan sijil tersebut dan mengemukakan permohonan yang baru.

RINGKASAN KES

Kes ini adalah tuntutan pembatalan sijil perakuan faraid yang difailkan oleh Pemohon (isteri) bagi harta suaminya pada 24 April 2015. Pada 25 Jun 2015 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah mengeluarkan Perintah Perakuan Faraid (Sijil Perakuan Faraid) yang mana pembahagiannya adalah seperti berikut:

1. MAKAK, Anak Lelaki - 7/8 bahagian
2. SAH, Isteri - 1/8 bahagian

Di dalam kes ini, Pemohon memohon agar Mahkamah Membatalkan Perintah Perakuan Faraid bertarikh 25.06.2015 dan mengeluarkan Sijil Perakuan Harta (Faraid) yang baru, atas alasan Responden merupakan anak angkat kepada si mati MAKAAK. Dakwaan Pemohon telah disokong oleh keterangan daripada lima (5) orang saksi Pemohon. Selain itu, Pemohon mendakwa bahawa Responden sendiri mengakui yang beliau adalah merupakan anak angkat kepada si mati melalui permohonan wasiat yang difailkannya.

Di dalam kes ini, Responden tidak pernah hadir ke Mahkamah sejak penyampaian Notis Permohonan dan Affidavit Sokongan disempurnakan melalui penyampaian ganti secara tampalan di alamat Responden di XXXXX, Bandar Baru Sentul 51000 Kuala Lumpur pada 07.08.2017 dan kes ini diteruskan dengan pendengaran tanpa kehadiran Responden.

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 – sp. 61 (3)(b)(ix), s. 65.
2. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 – p. 121 (1) (b), s. 244, s. 245.
3. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 – s. 17, ss. 83 (1) dan (6), ss. 86 (5).
4. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003

SURAH YANG DIRUJUK

1. Surah Al-Nisa': Ayat 11 dan Ayat 12
2. Surah Al-Baqarah : Ayat 282

KITAB YANG DIRUJUK

1. Muhammad Salam Madkur. 1964. *al-Qada' Fi al-Islam*. Kaheerah: Matbaah al-'Aalamiyyah.
2. Al-Sayid Sabiq. 1983. *Fiqh al-Sunnah*. Juz. 3. Beirut: Dâr al-Fikr.
3. Dr. Abdul Karim Zaidan. 1997M/1418H. *Nizam al-Qada' fi al-Syri'ah al-Islamiyyah*. Cet. Ketiga. Beirut: al-Risalah Publishing House.
4. Al-Muhammad bin Shihabuddin Ramli. 1938. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Jil. 3 dan Jil. 8. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
5. Muhammad al-Khatib al-Syarbini. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

KEPUTUSAN

Mahkamah memerintahkan seperti berikut:

- 1) Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon.
- 2) Perintah Perakuan Faraid (Sijil Perakuan Faraid) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 25 Jun 2015 dibatalkan. **Edisi**

Disediakan oleh:
Sumber:

Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS
Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS



كلب سوسيال دان كبايكن چنا فونج عالم
KELAB SOSIAL DAN KEBAJIKAN CAKNA PUNCAK ALAM

No. Pen. 0829-09-SEL

KELAB SOSIAL DAN KEBAJIKAN CAKNA PUNCAK ALAM (iCARE)

Kelab Sosial dan Kebajikan Cakna Puncak Alam (iCARE) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Kelab Sosial dan Kebajikan Cakna Puncak Alam bertempat di No. 1, Lorong Naluri Sukma 8/24, Bandar Puncak Alam, 42300 Kuala Selangor, Selangor. Kelab Sosial dan Kebajikan Cakna Puncak Alam ditubuhkan pada tahun 2009 dan 2017 diterima menganggotai NGOi MAIS.

Objektif penubuhan Kelab Sosial dan Kebajikan Cakna Puncak Alam (iCARE) adalah:

1. Menyediakan pengkalan data untuk isu-isu yang di sasarkan untuk analisis;
2. Menjalankan aktiviti kebajikan kepada golongan sasaran seperti golongan asnaf, miskin bandar dan rumah perlindungan;
3. Menjalankan aktiviti menggalakkan amal makruf dan menjauhi nahi mungkar; dan
4. Mewujudkan jaringan antara NGOi kearah penyatuan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.



YAYASAN KEBAJIKAN MUSLIM (MYFUNDATION)



Yayasan Kebajikan Muslim (MyFundAction) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Yayasan Kebajikan Muslim bertempat di SH-G-26, Pangsapuri Perkhidmatan Knox Wawasan, Jalan Sungai Burung 32/68, Seksyen 32, Bukit Rimau, 40460 Shah Alam, Selangor. Yayasan Kebajikan Muslim ditubuhkan pada tahun 2014 dan 2018 diterima menganggotai NGOi MAIS.

Objektif penubuhan Yayasan Kebajikan Muslim (MyFundAction) adalah:

1. Menyediakan biasiswa, tajaan dan bantuan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang layak dalam bidang profesional, perniagaan, ekonomi dan vokasional mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan;
2. Meningkatkan nilai keusahawanan, kesukarelawan, inovasi dan kreativiti dalam pembangunan belia;
3. Membangunkan bakat kepimpinan pelajar-pelajar sekolah Menengah, Asasi, Matrikulasi, IPTA dan IPTS; dan
4. Menggerakkan sukarelawan menerusi program-program di bawah modul Youth of Happiness (YOSH) ke seluruh negara. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpnngoimais@gmail.com.

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



DYMM Sultan Selangor Berkenan Lancar Pelan Strategik MAIS 2020-2024

September 2020 – Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor berkenan melancarkan Pelan Strategik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2020-2024.

PSM 2020-2024 ini dibangunkan oleh MAIS bersama agensi Agama di bawah DYMM Sultan Selangor iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS), Jabatan Kehakimiah Syariah Selangor (JAKESS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) serta syarikat subsidiari MAIS iaitu Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Bakti Suci Sdn Bhd.

Hadir mengiringi baginda ialah YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Pengerusi MAIS, Setiausaha MAIS dan Anggota-Anggota MAIS.

Edisi

MAIS Sumbang Dana Rangsangan Pendidikan RM1 Juta Kepada KUIS

Oktober 2020 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan dana berjumlah RM1 juta kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam Majlis Sambutan Jubli Perak KUIS (25 tahun) pada 2 Oktober 2020 yang lalu.

Sumbangan itu merupakan dana suntikan rangsangan pendidikan bagi KUIS yang disalurkan melalui peruntukan wang baitulmal MAIS. Bantuan rangsangan ini diberikan kerana KUIS merupakan salah sebuah anak syarikat di bawah MAIS.

Sumbangan dana telah disampaikan oleh Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS kepada Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Rektor KUIS disaksikan oleh Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahyia, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. **Edisi**



MAIS Sumbang RM50,000 Bantu Mangsa Banjir Hulu Langat Dan Sepang

November 2020 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini menyalurkan 1000 set makanan kering kepada penduduk daerah itu yang terjejas akibat banjir dalam kejadian pada 4 November lalu.

Anggota MAIS, Prof. Madya Dr. Yasmin Hanani Mohd Safian berkata, program bantuan ini membabitkan penduduk di sekitar Hulu Langat dan Sepang yang terjejas teruk akibat banjir.

Secara keseluruhan bantuan yang disalurkan bernilai RM50,000 menerusi peruntukan baitulmal MAIS dengan kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS).

Turut hadir Setiausaha MAIS, Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Ahli Jawatankuasa Pelaburan MAIS, Hajah Rohani Dato' Shahir, Penghulu Mukim Hulu Langat, Norezudin Kamaruddin, Pegawai Tadbir Agama Hulu Langat, Mahayudin Abu Bakar, Pengurus Besar TERAS, Mohd Hasnul Redza Abd Rahim dan Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Mohd Na'im Harun. **Edisi**



MAIS Naik Taraf Pengurusan Dokumen Secara Digital Melalui DDMS

November 2020 - Seiring dengan perkembangan teknologi dan menyokong amalan persekitaran hijau, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menambahbaik sistem pengurusan dokumen dengan menggunakan Digital Document Management System (DDMS).

Penggunaan DDMS ini telah mula dilaksanakan secara rasmi pada 1 September 2020.

DDMS merupakan satu sistem pengurusan rekod secara elektronik yang dikendalikan oleh kerajaan di bawah MAMPU. Sistem ini dapat meningkatkan kepastian akses, mengurangkan penggunaan kertas serta menjamin capaian maklumat yang efisien melalui penggunaan DDMS. Menerusi DDMS ini pergerakan semua dokumen dalaman MAIS adalah secara atas talian. **Edisi**

Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



Majlis Penyerahan Bantuan Peruntukan Khas Persekutuan Bagi Naik Taraf Dan Penyelenggaraan SAN 2020

September 2020 - Bertempat di Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan & Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam telah diadakan satu Majlis Penyerahan Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan Bagi Naik Taraf dan Penyelenggaraan Sekolah Agama Negeri (SAN) bagi tahun 2020.

Mock up cheque sebagai simbol penyerahan telah diterima oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Tuan Mohd Yazid bin Sairi mewakili SS Pengarah JAIS. Bantuan adalah bernilai sebanyak RM11,289,900.00 kepada 215 buah sekolah agama di seluruh Selangor. **Edisi**

Program Selangor Berselawat Di Kediaman Masing-Masing

Oktober 2020 - Program Selangor Berselawat serentak di seluruh masjid dan surau negeri Selangor. **Edisi**

BERSAMA-SAMA BERSELAWAT DARI KEDIAMAN MADING-MADING

SELANGOR Berselawat

28 OKTOBER 2020 | 12 RABI'ULAWWAL 1442

SERENTAK DI SELURUH MASJID & SURAU NEGERI SELANGOR

Banya Pentadbir Dibencarkan Berada di Masjid & Surau Mengikut Zon **UTARA, KUALA, & SELATAN**

7.00 Malam : Solat Maghrib & Solat Hajat
7.30 Malam : Berselawat & Bermunajat
7.45 Malam : Ceramah Maulidur Rasul
 Oleh Ustaz Mohd Erfine Johari

LIVE

MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
www.facebook.com/masjidsas

UMMAH RABBANI NEGARA HARMONI #SelangorBerselawat



Program Santuni Anda (POSAN) Daerah Gombak Siri VI Tahun 1442H/ 2020M

November 2020 - Telah dilaksanakan di Penjara Sungai Buloh, termasuk dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Program anjuran Unit Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan Penjara Sungai Buloh, merupakan kesinambungan daripada program POSAN Siri I, II, III, IV dan V.

Program kali ini memfokuskan komuniti yang telah diletakkan sebagai kawasan PKPD dan diharapkan bantuan tersebut sedikit sebanyak dapat memberi semangat kepada semua individu yang terlibat dalam premis tersebut. **Edisi**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KUIS 2019

September 2020 - Majlis ini telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar, KUIS. Pada tahun ini seramai 176 orang pegawai dan kakitangan KUIS telah menerima APC. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Prof Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri.

Majlis berlangsung dalam keadaan yang sederhana namun tetap meriah. Ianya disempurnakan selaras dengan saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan pematuhan seperti penjarakan sosial serta amalan memakai penutup hidung dan mulut.

Majlis APC ini adalah bagi meraikan serta mengiktiraf perkhidmatan cemerlang kakitangan akademik dan pentadbiran KUIS berdasarkan prestasi tahunan kakitangan sepanjang tahun 2019 yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak. **Edisi**



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



10 Keluarga Asnaf Fakir Dan Miskin Dapat Rumah Baru LZS

September 2020 – Sepuluh keluarga asnaf fakir dan miskin daerah Kuala Selangor hari ini menerima rumah baru dari

Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Selangor

Lembaga Zakat Selangor (LZS) bernilai RM882,815 yang disampaikan dalam satu majlis penyerahan yang diadakan di sini.

Bantuan pembinaan rumah tiga bilik yang lengkap dengan kemudahan elektrik dan air ini bernilai di antara RM86,000 hingga RM90,000 sebuah telah disampaikan oleh Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail.

Untuk makluman, sejak tahun 2017 sebanyak 550 buah rumah telah diserahkan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf dengan nilai keseluruhan agihan zakat sebanyak RM53.3 juta. Selain daripada bantuan tersebut, LZS turut menyalurkan bantuan baik puluh rumah melibatkan 1,229 buah rumah sejak tahun 2017 dengan jumlah agihan zakat sebanyak RM31.9 juta.

Turut hadir dalam majlis ini, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Dato' Muhamad Yaacob Dato' Ismail, Timbalan Pengerusi LZS, Dato' Dr. Aizuddin Ahmad dan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor, Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M. Yusop. **Edisi**

YIDE Rancang Bina Pusat Dialisis Di Masjid Puncak Alam

September 2020 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan kunjungan korporat dengan hasrat untuk menjalinkan kerjasama bersama Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) untuk membina pusat dialisis yang baharu bertempat di Masjid Puncak Alam. Penambahan Pusat Dialisis ini adalah bagi menampung keperluan pesakit buah pinggang untuk menjalani rawatan haemodialisis khususnya di Negeri Selangor. Pembinaan Pusat Dialisis ini diharapkan dapat membantu menampung keperluan pesakit khususnya di Puncak Alam dan kawasan berhampiran.

Sehingga kini, YIDE mempunyai enam (6) cawangan Pusat Dialisis MAIS iaitu di Shah Alam, Taman Melawati, Sungai Besar, Kuala Selangor, Bukit Jelutong, dan Kapar. **Edisi**



Watikah Perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

September 2020 - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan menyampaikan watikah perlantikan kepada empat panel tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, sembilan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor, dua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, seorang Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, tiga Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor di Istana Bukit Kayangan Shah Alam. Perlantikan dibuat mengikut Seksyen 59 (1), Seksyen 60 (a), (b) dan (c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003. Tahniah diucapkan kepada semua penerima watikah perlantikan. **Edisi**



SIRI BELAJAR JAWI (SIRI KEDUA PULUH TIGA)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU. PADANAN HURUF “K” PADA HURUF JAWI.

Dalam siri kali ini kita berbicara tentang bahagian kedua padanan jawi huruf “k” pada akhir suku kata tertutup. Kaedah penulisannya ialah **huruf “k” pada akhir suku kata tertutup** dipadankan dengan huruf “ق”.

Contoh huruf “k” padanan huruf “ق” ditulis pada akhir suku kata tertutup sama ada di awal suku kata atau terletak pada suku kata kedua:

Suku kata tertutup diawal suku kata	bakti	sakti	seksa	laksa	cakna	bukti
	بقتي	سقتي	سيقسا	لقسا	چقنا	بوقتي
suku kata tertutup di akhir suku kata	katak	tarik	tumbuk	longgok	terik	kakak
	كاتق	تاريق	تومبوق	لونغوق	تاريق	كاكق


Kesimpulannya setiap perkataan yang menggunakan huruf “k” pada akhir suku kata samada suku kata suku kata pertama, kedua atau pada akhir suku kata tertutup hendaklah menggunakan padanan huruf kaf (ق). Contohnya perkataan “periksa” dieja dengan “فريقسا”, iaitu menggunakan padanan huruf “k - ق”. Kaedah ini terpakai hanya pada kata jati Bahasa Melayu sahaja.

Edisi

TEKA SILANG KATA JAWI (SIRI 4)

Disediakan Oleh:

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



Arahan:

- Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja. Abaikan semua petak yang berwarna.
- Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (kanan ke kiri).
- Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (atas ke bawah).
- Huruf (لا) hendaklah dieja berasingan antara (ل) dan (ا).

Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

- MAIS menubuhkan Perbadanan _____ Selangor (PWS) bagi menguruskan urusan wakaf di negeri ini.
- Orang yang rajin membaca _____ maka nanti di akhirat, al-Quran itu akan datang memberikan syafaat kepadanya.
- Islam mewajibkan zakat fitrah iaitu seberat satu _____ Baghdad atau menyamai 2.6 kg makanan asasi.
- Dalam Mazhab Syafie, anggota sujud ada tujuh iaitu _____, dua telapak tangan, dua lutut dan dua perut ibu jari kaki.
- Ibadah puasa mendidik kita menahan _____ dan dahaga untuk menjadikan kita lebih insaf kesusahan orang-orang miskin.

Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- _____ Malaysia menetapkan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan dan Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan.
- Kematian itu adalah, apabila malaikat Izrail datang lalu mencabut _____ keluar dari tubuh.
- Orang yang lalai di dalam solat maka mereka akan masuk ke dalam _____ Wail.
- Apabila kita mengantuk atau letih dan mulut terganggu kerana _____, maka hendaklah ditutup agar tidak dimasuki Syaitan.
- Antara Sunnah Rasulullah SAW ialah, kita _____ sebentar sebelum masuk fardu Zuhur dan dinamakan sebagai Qailullah.

* Untuk semakan jawapan, hantarkan keratan ke emel pro@mais.gov.my.
Kumpulkan Siri Teka Silang Kata Jawi sehingga Bil. 4/2020 untuk memenangi hadiah misteri.

COVID-19: SALENA TAMPIL BANTU FRONTLINERS HASILKAN 2,000 PAKAIAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam MAIS

Ramai terkejut, tersentak malah sukar menerima kenyataan apabila kes baharu positif COVID-19 baru-baru ini mencecah hampir 800 kes sehari. Pernahkah anda terbayang? Sama ada telah dijangka atau tidak disangka, itulah hakikat sebenar yang melanda tanah air tercinta pada tahun 2020 ini.

Pejuang barisan hadapan khususnya kakitangan dan pegawai perubatan kini bergadai nyawa untuk melawan serangan pandemik COVID-19.

Jasa dan pengorbanan mereka mendorong Salena Ahmad, 52, yang mempunyai perusahaan jahitan untuk tampil membantu menghasilkan 2,000 pakaian perlindungan diri (PPE).

"Jika sebelum ini kami menerima tempahan menjahit pakaian berasaskan jeans, kini buat pertama kalinya kami diberi kepercayaan untuk menjahit pakaian lengkap PPE yang menggunakan material 'non-woven' pula.

Salena memaklumkan, dia mula terlibat menjahit PPE sejak awal bulan April ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan selepas mendapat tawaran daripada rakannya.

"Saya bersyukur diberikan peluang ini kerana upah yang diterima setidak-tidaknya dapat menampung perbelanjaan operasi syarikat dan dapat membantu kakitangan di kalangan ibu tunggal, memandangkan pendapatan kami semua agak terjejas sepanjang PKP.

"Bayangkan kami berjaya menghasilkan 2,000 set lengkap PPE dalam masa 45 hari dengan bantuan 10 orang kakitangan sahaja ketika itu. Kami mampu memotong 200 meter material kain bagi menghasilkan 50 pasang PPE setiap hari. Alhamdulillah, semuanya berjalan lancar.

Salena ketika ditemui berkata, beliau amat berbesar hati dapat membantu petugas barisan hadapan di fasiliti kesihatan dengan menyumbang tenaga menghasilkan PPE ini, sekaligus dapat membantu mereka menggunakan alat perlindungan diri ketika bertugas.



TERIMA KASIH LZS DAN TERAS

Siapa sangka, pemilik nama Salena Ahmad merupakan ibu tunggal yang berjaya dan bekas asnaf di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta penerima bantuan modal perniagaan dari Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd (TERAS).

Menurutnya lagi, ketika beliau berpisah dengan bekas suaminya pada tahun 2014, Salena memberitahu, banyak bantuan serta tunjuk ajar daripada LZS dan TERAS untuk meneruskan kelangsungan hidup, lebih-lebih lagi ketika itu, Salena turut membesarkan dua orang anak lelaki.

"Saya pernah menjadi asnaf di bawah LZS dan pernah menerima bantuan modal perniagaan dari TERAS untuk memulakan perniagaan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada agensi terbabit yang banyak membantu saya mencari jalan untuk mengubah kehidupan dengan lebih baik,"katanya.

BANTU IBU TUNGGAL

Mengulas lanjut tentang perkembangan terkini Salena, beliau mempunyai syarikat yang diberi nama Suri Inspirasi Sdn. Bhd iaitu perniagaan berasaskan perusahaan jahitan di Sungai Udang, Klang. Salena juga memberitahu, beliau mempunyai 25 orang kakitangan yang antaranya adalah di kalangan ibu tunggal.

"Penubuhan syarikat itu adalah untuk membantu dan memperkasakan ibu tunggal yang berpendapatan rendah di sekitar kawasan Sungai Udang dan Bandar Klang.

"Perniagaan yang dijalankan bertujuan untuk membantu menyelesaikan isu sosial terutama dalam usaha mengurangkan kemiskinan ibu tunggal dengan membekalkan mereka dengan kemahiran menjahit dan membangunkan produk kraftangan daripada seluar denim jeans kitar semula.

"Saya berharap, penubuhan Suri Inspirasi ini, dapat menyumbang idea dan peluang bagi membantu atau berkongsi ilmu bersama ibu tunggal yang benar-benar mahu memperbaiki kehidupan," katanya yang turut mempromosikan produk kraftangannya berasaskan denim jeans kitar semula di Facebook dan Instagram miliknya iaitu [surilifestyle](http://www.surilifestyle.com) dan website iaitu www.surilifestyle.com. **Edisi**

SOAL JAWAB WASIAT

Disusun oleh:
Sumber:

Bahagian Komunikasi Korporat
Sektor Baitulmal, MAIS

SOALAN 01

Apakah yang dimaksudkan dengan wasiat ustaz?
Wasiat ialah iqrar atau perakuan seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan hukum syarak, selepas dia mati.

SOALAN 02

Bolehkah berwasiat kepada waris?
Jumhur ulama, menyatakan wasiat tidak boleh kepada waris kerana telah mempunyai pembahagian melalui faraid. Namun, jika ingin dilaksanakan juga wasiat tersebut perlu mendapat persetujuan di kalangan waris yang terlibat. Ia sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain."* (Riwayat Abu Daud)

SOALAN 03

Jika saya tiada harta, bolehkah berwasiat?
Boleh, wasiat bukan sekadar ada harta sahaja, jika mempunyai hutang wajib membuat wasiat dan jika ingin menyampaikan apa-apa pesanan kepada waris selepas kematian, digalakkan untuk membuat wasiat secara berdokumentasi.

SOALAN 04

Bagaimanakah kaedah untuk berwasiat ustaz?
Wasiat boleh dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Wasiat MAIS atau secara atas talian dengan mengisi borang di laman web wasiat.com.my.

SOALAN 05

Berapakah kadar bayaran untuk membuat wasiat?
Kadar bayaran bagi membuat wasiat melalui MAIS hanya RM300 sahaja.

SOALAN 06

Siapakah yang patut membuat wasiat?

Orang yang berharta

Orang yang mempunyai anak angkat

Orang yang tiada waris

Orang yang tidak berkahwin

Orang yang berhutang

Muallaf

SOALAN 07

Kenapa wasiat itu penting?

Tindakan mulia untuk menzahirkan keinginan pewasiat terhadap pembahagian harta yang dikumpul semasa hidup.

Perwarisan harta yang dirancang melalui wasiat dapat diagihkan untuk tujuan kebajikan dan kepada keluarga yang tersayang selepas kematian.

Pelantikan wasi akan memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian.

Pelantikan penjaga yang dipercayai akan menjamin kebajikan anak-anak di bawah umur selepas kematian anda.

Mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh waris-warisan yang ditinggalkan.

SOALAN 08

Apa akan berlaku sekiranya harta tidak diwasiatkan?

Sekiranya harta tidak diwasiatkan berkemungkinan akan menyukarkan waris untuk menuntut harta pusaka anda seperti akaun simpanan dan semasa di bank, akaun Lembaga Tabung Haji, tanah, rumah dan sebagainya yang akan dibekukan sehinggalah proses pentadbiran pusaka selesai. **Edisi**

AL-BIDAYAH WAN NIHAYAH : MASA KHULAFU'R RASYIDIN ABU BAKAR, UMAR, UTSMAN, ALI


Edisi Terjemahan	: AL-BIDAYAH WAN NIHAYAH: Masa Khulafa'ur Rasyidin
Tajuk Asal	: Tartib wa Tahdzib Kitab al-Bidayah wan Nihayah
Penulis	: Al-Hafidz Imaduddin Abul Fida' Ismail bin Umar bin Katsir
Penyusun	: Dr. Muhammad bin Shamil as-Sulami
Penterjemah	: Abu Ihsan al-Atsari
Penerbit	: DARUL HAQ
Muka Surat	: 547 Halaman

Oleh: **Mohd Hafiz Bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Secara umumnya, Al-Bidayah wan Nihayah (bahasa Arab: *والنهایة البدایة*) adalah sebuah kitab yang dikarang oleh Al-Hafizh Ibnu Katsir (w.774 H). Kitab asalnya adalah sebuah kitab yang membincangkan berkaitan penciptaan alam semesta, langit dan bumi, malaikat, manusia pertama, kemudian kisah para nabi dan umat-umat terdahulu hingga Nabi terakhir, kemudian tokoh-tokoh, khalifah/daulah dan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada abad-abad yang dilalui dalam masa awal Islam sehingga ke masa pengarang. Kemudian diikuti dengan peristiwa yang akan terjadi di akhir zaman seperti tanda-tanda datangnya kiamat, perjalanan di alam barzakh, kebangkitan kembali hingga akhirat, Surga dan Neraka yang kisahnya diambil berpandukan al-Quran dan juga hadith nabi.

Untuk buku ini, saya telah memilih buku yang menerangkan dan fokus hanya kepada masa pemerintahan Khulafa'ur Rasyidin yang empat sahaja. Ia menerangkan tentang sejarah keemasan Islam semasa zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali. Buku ini adalah sebuah buku terjemahan yang di disusun oleh Dr. Muhammad bin Shamil as-Sulami dari tajuk asal kitab "Tartib wa Tahdzib Kitab al-Bidayah wan Nihayah" iaitu karangan karya seorang ulama besar yang tidak asing lagi yakni Al-Hafidz Imaduddin Abul Fida' Ismail bin Umar bin Katsir yang lebih dikenal dengan nama Ibnu Katsir. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh **Abu Ihsan al-Atsari**.

Secara peribadi, saya sangat suka kepada susun atur dan penerangan dalam buku ini. Setiap kisah dan sejarah yang berlaku disusun berpandukan bab dan kisah yang berlainan. Dalam masa yang sama biodata lengkap



setiap khalifah juga diterangkan dengan jelas bagi memperkenalkan pembaca kepada susuk tubuh sahabat terbaik Nabi Muhammad S.A.W itu. Bagi saya, buku ini sangat bermanfaat kepada pembaca untuk memilikinya. Walaupun buku berkaitan sahabat nabi banyak terdapat di pasaran tetapi bagi saya di antara kelebihan kitab karya Ibnu Katsir ini dibandingkan buku-buku sejarah lainnya adalah kesahihan rujukan dan sumber-sumber sejarah yang menjadi rujukan pengarang iaitu bersandar kepada al-Quran dan riwayat-riwayat hadith. Saya secara peribadi memberikan markah penuh (5 Bintang) kepada buku ini dan sangat menyarankan kepada pembaca semua untuk memiliki dan dijadikan bahan bacaan wajib bagi setiap rumah.

Semoga bermanfaat, Wallahua'lam. **Edisi**

IBNU KATHIR

Oleh : **Mohd Hafiz bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Pengurus Penyelidikan, MAIS

Sumber : **Kitab An-Nihayah fi Al-Fitani wa Al-Malahim**

Ibnu Kathir atau nama sebenarnya **Abul Fida' Imaduddin Ismail bin Uma bin Kathir bin Dhau bin Kathir Al-Quraissy Ad-Dimasyqi**. Beliau dilahirkan pada tahun 700H di Majdil iaitu sebuah perkampungan di wilayah Kota Bushra. Ayahnya juga berasal dari Bushra manakala ibunya berasal dari Majdil. Ayahnya iaitu **Al-Khathib Syihabuddin Abu Hafsh Umar bin Kathir** seorang ulama ahli fiqh dan penyajak kenamaan yang lahir pada 640H. Ayahnya meninggal dunia empat tahun selepas kelahirannya. Membesar sebagai anak yatim di kota Damsyik dan menuntut ilmu di situ.

Ibnu Kathir memulakan pelajaran dengan saudaranya sendiri iaitu Abdul Wahab dan kemudiannya menuntut ilmu dari para ulama besar lain yang hidup sezaman dengannya. Beliau giat menghafal al-Quran al-Karim dan mengkhatam hafalannya pada tahun 711H. Seterusnya Ibnu Kathir mempelajari ilmu fiqh dari dua orang guru besar iaitu Burhanuddin Al-Fazari dan Kamaluddin bin Qadhi Syuhbah. Dia menghafal kitab At-Tanbih karangan

Asy-Syairazi mengenai furu' dalam mazhab Asy-Syafie dan Mukhtashar Ibnul Hajib mengenai usul kemudiannya beliau menjadi murid kesayangan dari Al-Hafiz Al-Kabir Abul Hajjaj Al-Mizi. Di hadapan gurunya dia membacakan karangannya yang besar mengenai tokoh-tokoh fiqh iaitu kitab Tahdzibul Kamal.

KITAB KARANGANNYA

Kitab karangan beliau yang masyhur berjudul Tafsir al-Quran al-Azim. Kitab ini ditulis dengan mengaitkan Hadith Nabi Muhammad SAW serta para Sahabat RA kepada al-Quran dalam penjelasan tafsirnya. Kitab al-Quran ini lengkap dan terbaik dalam pentafsiran al-Quran. Menurut Syekh Ahmad Syakir pula dalam pendahuluan dari kitabnya iaitu Umdatut-Tafsir di mana beliau ada menyatakan "Saya tidak yakin bahawa saya telah dapat mencatat karangan Ibnu Kathir secara keseluruhannya sekarang kerana sebahagian kitab karangannya telah hilang." Di sini akan disebut yang diketahui sahaja iaitu:

- 1 At-Tafsir – Kitab tafsir bi Ar-Riwayah yang terbaik.
- 2 Al-Bidayah wa An-Nihayah – Kitab sejarah yang sangat berharga dan terkenal
- 3 As-Sirah An-Nabawiyah – Sejarah lengkap kehidupan Nabi Muhammad S.A.W
- 4 As-Sirah – Ringkasan sejarah hidup Nabi Muhammad S.A.W
- 5 Ikhtishar 'Ulum Al-Hadith – Ringkasan kitab Muqaddimah Ibnu Shalah, ilmu Mustalah Al-Hadith
- 6 Jami 'Al-Masanid wa As-Sunan – Himpunan Musnad Imam Ahmad, Al-Bazzar, Abu Ya'la dan Ibnu Abi Syaibah dengan Al-Kutub As-Sittah menjadi satu
- 7 At-Takmil fi Ma'rifah Ats-Tsiqaath wa Adh-Dhu'afa'i wa Al-Majahil – Himpunan 2 buah kitab karya 2 orang gurunya iaitu Al-Mizzi dan Az-Zahabi
- 8 Musnad Asy-Syekhain, Abi Bakr wa Umar
- 9 Risalah al-Jihad
- 10 Thabaqat Asy-Syafi'eyah
- 11 Ikhtishar – Ringkasan kitab Al-Madkhal ila Kitab As-Sunan karangan Al-Baihaqi
- 12 Kitab al-Muqaddimat
- 13 Takhrij Ahaditsi Adillatit Tanbih – Perbahasan furu' dalam mazhab As-Syafie
- 14 Takhrij Ahaditsi Mukhtashar Ibnul Hajib – Ilmu usul fiqh
- 15 Syarah Sahih Al-Bukhari
- 16 Kitab Al-Ahkam

KEWAFATANNYA

Ibnu Kathir wafat pada hari khamis, 26 Sya'ban 774H. Ibnu Nasir mengatakan, "kematiannya menarik perhatian orang ramai dan tersiar di pelusuk tempat. Dia dikuburkan atas wasiatnya sendiri iaitu dikuburkan di sisi pusara Syekhul Islam Ibnu Taimiyyah di perkuburan para sufi yang terletak di luar pintu An-Nasr Kota Damaskus."

Walluhua'lam. **Edisi**



PREMIS UNTUK DISEWA DI KAWASAN PUNCAK ALAM

PUSAT PERDAGANGAN HILLPARK 1

KELUASAN:

1,375 kaki persegi &
1,540 kaki persegi

RM1,300.00-RM3,700.00/sebulan

Maklumat lanjut sila hubungi:

019-2640631, 019-2302040

03-55143400 samb 2187

KEMUDAHAN

2KM ke UiTM Puncak Alam • 3KM ke McDonald Puncak Alam • 6KM ke Masjid Puncak Alam • 6KM ke Tesco Puncak Alam • 6KM ke SK Puncak Alam • 6KM ke SMK Puncak Alam

Info: <https://www.mais.gov.my/sewaan/>



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgov.my

www.mais.gov.my

ايسد

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

**COVID-19: SALENA TAMPIL
BANTU FRONTLINERS
HASILKAN 2,000 PAKAIAN
PERLINDUNGAN DIRI (PPE)**

LIHAT MUKA SURAT 15



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Tunaikan
ZAKAT HARTA
ANDA SECARA **ONLINE & e-Wallet**
SELAMAT, MUDAH,
dan **PANTAS**



Imbas QR Kod
atau layari
<https://fpx.zakatselangor.com.my>

**Online
e-ZakatPay**

ONLINE@EZAKATPAY
<https://fpx.zakatselangor.com.my>



**Online
Channel**



**Online
Banking**



PUBLIC BANK



Hong Leong Bank

AFFINBANK



Maybank



CIMB BANK



AmBank



BANK RAKYAT



RHB



BANK ISLAM



ALLIANCE BANK

e-Wallet



Muat turun
Aplikasi di



zakatselangor



zakatTV@youtube

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343

www.zakatselangor.com.my